

31 MAY 2001

MAHATHIR-GAS

INDUSTRI GAS DI RANTAU INI CERAH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masa depan industri gas di rantau ini adalah cerah memandangkan perkembangan yang menggalakkan dalam kegiatan hiliran.

Katanya, industri berkenaan mampu berkembang kerana terdapatnya keupayaan sesetengah negara di rantau ini untuk mengeluarkan gas.

Bercakap di majlis perasmian pejabat Petroliam Nasional Berhad (Petronas) di sini hari ini, beliau berkata industri gas akan menjadi satu industri masa depan yang menggalakkan di rantau Asean.

Pejabat Petronas itu terletak di Tingkat 27, Menara 2, Plaza Bapindo di Jalan Jendral Sudirman.

Dengan pembukaan pejabat itu, usaha Petronas untuk menyelaraskan aktiviti-aktivitinya di Indonesia akan menjadi lebih mudah.

Dr Mahathir juga menyambut baik kerjasama yang telah lama wujud antara Petronas dan Pertamina sehingga terbukanya pejabat Petronas di Jakarta.

Petronas mula memasuki Indonesia pada tahun 1979 apabila ia menyertai, bagi pihak Malaysia, Projek Urea Asean. -- BERNAMA

MKO JR